

**LEVEL OF ACCEPTANCE AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN NEGERI SEMBILAN TOWARDS TARIQAH**

**TAHAP PENERIMAAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI SEMBILAN TERHADAP TAREKAT**

Muhammad Asyraf Mohd Azlin<sup>i</sup> & Faudzinaim Badaruddin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Asyrafazlin93@gmail.com

<sup>ii</sup> (Corresponding author). Profesor Madya, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). faudzi1@gmail.com

<b>Abstract</b>	<p><i>The practice of tariqa is very much ingrained within the Muslim community of Negeri Sembilan. Nevertheless, the influence of various schools of thought seemed to have some impact on traditional Islamic belief systems, including the practice of tariqah. Therefore, this study tries to see the level of acceptance of Negeri Sembilan's Muslim community towards the practice. This study was carried out using numerical quantitative methods with the help of SPSS. Negeri Sembilan has been selected as the study location. This questionnaire was prepared to find out two things, namely the level of acceptance of the Muslim community in Negeri Sembilan and the factors of their acceptance of the order. A total of 384 people have been selected as respondents. The results found that the Negeri Sembilan Muslim community has a high level of acceptance towards the practice of tariqah with a mean of 3.88. The high acceptance is influenced by several factors such as the influence of the environment, education, role of the State Mufti Department, the Government of Negeri Sembilan and the existence of the Sufism Order Enactment which monitors the practice of tariqa order in Negeri Sembilan.</i></p> <p>Keywords: <i>Level, Acceptance, Tariqah, Enactment, Negeri Sembilan.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Amalan tarekat amat sehati dengan masyarakat Islam Negeri Sembilan. Namun demikian, pengaruh aliran pemikiran yang berbagai telah memberi impak terhadap pegangan Islam yang bersifat tradisonal termasuk amalan bertarekat. Justeru kajian ini cuba melihat tahap penerimaan masyarakat Islam Negeri Sembilan terhadap amalan tersebut. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kuantitatif secara numeric melalui bantuan SPSS. Negeri Sembilan telahpun dipilih sebagai lokasi kajian. Soal selidik ini disediakan untuk mengetahui dua perkara iaitu tahap penerimaan masyarakat Islam di Negeri Sembilan dan faktor penerimaan mereka terhadap tarekat. Seramai 384 orang telahpun dipilih sebagai responden. Hasil mendapati bahawa masyarakat Islam Negeri Sembilan mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap tarekat dengan capaian min=3.88. Penerimaan yang tinggi itu dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pengaruh persekitaran, pendidikan, peranan Jabatan Mufti Kerajaan, Kerajaan Negeri Sembilan dan kewujudan Enakmen Tarekat Tasawuf yang memantau pengamalan tarekat di Negeri Sembilan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Tahap, Penerimaan, Tasawuf, Enakmen, Negeri Sembilan.</i></p>

## PENDAHULUAN

Perkataan tarekat juga diambil dalam bahasa arab iaitu *al-tariqah*. Ia berasal diambil daripada perkataan Arab iaitu *al-tariq* yang bererti jalan, cara, garis, keyakinan, agama dan kedudukan (Fuad Said, 1991; Sulaiman Ibrahim, 2002). Pengertian bahasa ini mendorong kepada penggunaan umum perkataan tarekat dengan pengertian "*jalan menuju kepada Allah dengan berlandaskan ilmu tauhid, fekah dan tasawuf*" (Fuad Said, 1991). Dari segi istilah dan dari sudut praktiknya, kalimah tarekat menurut Abu 'Ula al-'Afifi (1963) ialah "*tatacara yang khusus atau himpunan adab dan ajaran yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan sufi*". Manakala Shaykh 'Abd al-Razzaq al-Qashaniyy (1991) menyatakan bahawa perkataan tarekat bererti satu jalan (*al-sirah*) yang khusus bagi para salikin (orang-orang yang berjalan) menuju Allah merentasi berbagai rintangan dan melalui peningkatan berbagai *maqamat*. Pengertian secara istilah ini kemudiannya mewakili penggunaan kalimah tarekat sebagai sebuah gerakan kerohanian Islam atau tasawuf. Berdasarkan penulisan para ulama Sufi, hal tersebut diandaikan bermula sekitar abad keenam Hijrah dengan kemunculan tarekat Qadiriyyah (al-Hujwiriyy, t.th.).

Sebelum abad keenam Hijrah, tarekat diajar oleh para ulama Islam sebagai sebahagian daripada *'ilm al-tasawwuf* di samping pelbagai ilmu Islam lain (Faudzinaim, 2016). Pada zaman ini, para penulis ilmu tasawuf merakamkan kewujudan aliran al-Muhasibiyyah, al-Saqatiyyah, al-Junaydiyyah dan berbagai lagi. Contohnya, aliran al-Muhasibiyyah yang dihubungkan dengan Abu al-Harith al-Muhasibiyy. Beliau adalah ulama yang banyak menulis dalam bidang ilmu kalam, fekah dan tasawuf. Begitu juga dengan Sirri al-Saqati. Abu al-Qasim al-Junayd al-Baghdadi dan lain dan kesemua mereka merupakan tempat tumpuan para pencinta ilmu-ilmu Islam dan tidak terhad kepada bidang kerohanian semata-mata (al-Hujwiriyy, t.th.).

Institusi tarekat khusus secara rasmi mula muncul pada abad keenam Hijrah. Kumpulan tarekat pertama dalam sejarah Islam ialah tarekat Qadiriyyah yang dinisbahkan kepada Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilaniyy. Sejak itu, muncullah kumpulan-kumpulan tarekat yang berbagai dalam dunia Islam seperti al-Rifa'iyah, al-Badawiyah, al-Suhrawardiyah, al-Naqshabandiyyah dan lain. Kemunculan pelbagai tarekat ini menjadi sebuah kaedah untuk menjaga kesatuan umat Islam setelah kejatuhan Baghdad pada tahun 1258 di tangan tentera Mongol (A.H. Johns, 1961).

## TAREKAT TASAWUF DI NEGERI SEMBILAN

Sejarah awal kemasukan tarekat di Negeri Sembilan tidak diketahui secara tepat kerana tidak terdapat bukti-bukti dan catatan bertulis yang konkrit mengenai perkara ini. Namun demikian, data sedia ada menunjukkan bahawa kemasukan dan pengamalan tarekat di Negeri Sembilan bermula dengan pengenalan tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah pada awal abad kedua puluh Masih. Di samping itu, Tarekat Naqshabadiyyah juga merupakan tarekat yang awal dibawa masuk ke Negeri Sembilan. oleh Sheikh Haji Ahmad al-Baqir yang telah membuka surau suluk di daerah Batu 7, Negeri Sembilan (Sulaiman, 2002).

Tarekat Ahmadiyyah merupakan kumpulan tarekat yang paling popular di Negeri Sembilan. Pengamalan tarekat Ahmadiyyah ini telah menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang mesra tarekat kerana hubungannya dengan kepimpinan tertinggi pentadbiran agama di Negeri tersebut iaitu Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi pimpinan utama tarekat tersebut. Dari segi sejarah, tarekat ini diperkenalkan di Negeri Sembilan oleh Syeikh Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al-Linggi (1874-1927). Setelah itu, kepimpinan tarekat ini diteruskan oleh beberapa ulama daripada anak-anak beliau iaitu Syeikh Ahmad Bin Muhammad Said (1910-1964) dan Syeikh Muhammad Rasyid Bin Muhammad Said (1918-1992). Syeikh Ahmad merupakan Mufti pertama bagi Kerajaan Negeri Sembilan. Setelah itu, kepimpinan Tarekat Ahmadiyah tersebut telah diwarisi oleh cucunya, Syeikh Mohd Murtadza bin Syeikh Ahmad (1937- 2017) yang turut memegang jawatan mufti Negeri Sembilan (Aizuddin et.al., 2022).

Perkembangan positif terhadap pengamalan tarekat di Negeri Sembilan telah membawa kepada pembentukan Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005.

Menurut Syaiful Nizam (2019), latar belakang kepada usaha untuk memperkenalkan Enakmen tersebut telah didorong oleh kewujudan pandangan negatif daripada masyarakat awam terhadap tarekat di samping terdapatnya unsur pengamalan yang terpesong dalam amalan tarekat yang sebenar. Oleh itu, matlamat utama Enakmen ialah pengurusan dan pengawalan pengamalan tarekat daripada unsur-unsur negatif yang boleh merosakkan imej institusi tarekat tasawuf. Sehingga kini, ia adalah satu-satunya Enakmen berkaitan institusi tarekat yang wujud di dunia Islam hari ini.

Berdasarkan keperluan Enakmen ini terdapat tujuh belas kumpulan tarekat yang telah didaftarkan di bawah Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005 iaitu:

1. Tarekat al-Ahmadiyyah al-Idrisiyyah al-Rashidiah al-Dandarawiah di Rasah;
2. Tarekat al-Muhammadiyah al-Sanusiyah al-Idrisiyyah di Seremban;
3. Tarekat al-Ja'fariyyah al-Ahmadiyah al-Muhammadiyah di Pantai, Seremban;
4. Tarekat Naqshabandiyah al-Aliyah di Kampung Pantai Batu 7 Seremban;
5. Tarekat Naqsyabandiah Bahaiyyah Khalidiyyah Mujaddidiyyah Dziayah Kuala Klawang, Jelebu;
6. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah yang beroperasi di Lenggeng,
7. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah di Gemencheh,
8. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah di Serting Ulu,
9. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah di Felda Bukit Rokan,
10. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah di Kuala Pilah
11. Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah di Kampung Jawa, Labu, Seremban
12. Tarekat Naqsyabandiyah Mujaddidiyyah di Pantai, Seremban
13. Tarekat Syaziliyah di Kota, Rembau; Tarekat al-Syazuliyah al-Darqawiyah di Bahau
14. Tarekat al-Dasuqiyyah al-Muhammadiyah di Seremban.
15. Tarekat Qadariyah and Naqsyabandiyah (TQN) di Labu, Seremban,
16. Tarekat Syatariyyah di Jempol, Bahau dan
17. Tarekat Chistiyyah di Jelebu. (Fahmi & Ishak, 2017; Saiful Nizam 2021).

Seterusnya, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan telah bertindak proaktif dengan mengambil banyak langkah untuk meningkat kefahaman masyarakat Islam, khususnya para pengamal tarekat mengenai ilmu tasawuf dan amalan tarekat seperti yang dilaporkan oleh Mohd Faizal Harun (2015) melalui pembentukan sebuah jawatankuasa pengawalan di bawah Enakmen Tarekat tasawuf (2005) yang dinamakan *Jilsah Turuq al-Sufiyyah*, penganjuran seminar dan penerbitan buku .

Menurut Faudzinaim (2016), perkembangan tarekat sepanjang sejarah tidak pernah sunyi daripada terlepas tentangan dan kritikan yang hebat. Perkembangan pelbagai aliran pemikiran dalam dunia Islam yang berasaskan agama seperti aliran Salafiyyah Wahabiyyah turut memberi kesan negatif terhadap ilmu tasawuf dan amalan tarekat. Aliran pemikiran tersebut turut berkembang di Malaysia melalui Gerakan Kaum Muda yang membawa idea *islah* atau pembaharuan.

Menurut ramai pengkaji seperti Muhammad Sarim Mustajab (1979), Abdul Rahman Abdullah (1989), Ibrahim Abu Bakar (2007) dan Nor Hafizi Yusof et.al. (2015), idea *islah* ini telah diperkenalkan oleh dua tokoh utama iaitu Syiekh Tahir Jalaluddin (1869-1956) dan Syeikh Syed bin Ahmad al-Hadiyy (1867-1934). Setelah itu, tokoh-tokoh aliran pemikiran islah ini telah membawa masuk idea Salafiyyah Wahabiyyah yang berdasarkan pendapat yang diperkenalkan oleh Syeikh Muhammad b. 'Abd al-Wahhab. Kewujudan aliran pemikiran Wahabiyyah ini telah meningkatkan lagi sikap negatif terhadap ilmu tasawuf dan amalan tarekat ini juga turut tersebar kerana sebahagian ilmu tasawuf dan amalan tarekat dianggap bertentangan dengan ajaran Islam.

Berdasarkan Laporan Tahunan al-Ehsan Malaysia Daerah Jempol bagi tahun 1996/1997, aliran pemikiran ini turut tersebar di Negeri Sembilan sejak pertengahan pertama abad kedua Masihi melalui jenama *Ittiba' al-Sunnah* dan digerakkan oleh dua individu utama iaitu Lebai Ma'adah dan Hasyim Ghani di beberapa buah daerah iaitu Kuala

Pilah, Jempol dan Jelevu. Bagi mengukuhkan lagi pergerakan aliran pemikiran islah di Negeri Sembilan, satu pertubuhan yang dinamakan sebagai Pertubuhan Jamaah al-Ehsan telah didaftarkan di daerah Jempol, Negeri Sembilan pada 23 Jun 1995 untuk menaungi segala aktiviti yang dilaksanakan oleh gerakan tersebut. Dasar utama aliran ini ialah memperjuangkan ajaran Islam yang tulen dan membentaras segala ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam.

Pada masa yang sama, terdapat pula aliran dan fahaman salah yang menggunakan pendekatan ilmu tasawuf dan tarekat sebagai modus operandi kegiatan mereka. Berkaitan dengan hal ini, Prof. Emeritus Zakaria Stapa (2016) menyatakan bahawa kekurangan ilmu mengenai ilmu tasawuf dan tarekat serta kewujudan kes-kes ajaran sesat merupakan faktor-faktor utama yang mempengaruhi persepsi dan penerimaan masyarakat Islam terhadap ilmu tasawuf dan amalan tarekat iaitu kurang faham mengenai ilmu Tasawuf serta tarekat.

Berdasarkan laman Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan telah mengeluarkan beberapa fatwa sepanjang tahun 1996 hingga 2016 berkaitan ajaran dan buku yang mengandungi unsur tarekat tasawuf dan diputuskan menyeleweng seperti ajaran Taslim, ajaran Zikir Alunan Zat Cinta/Hikmah Al-Fatihah oleh Mohd. Zaman Mohd. Noor, ajaran Bapak Bagindo Muchtar (Ilmu Mengenal Diri), Kitab Qamar al-Huda, Nukilan Ahli Sufi Allahu Akbar dan Risalah Kesufian anjuran Baharin Salleh. Keputusan fatwa tersebut juga berkemungkinan boleh menimbulkan salah faham dan persoalan dalam kalangan masyarakat Islam mengenai status amalan tarekat tasawuf yang wujud.

Di samping itu, penggunaan teknologi tanpa sempadan melalui media sosial elektronik seperti *Facebook*, *Youtube* dan lain-lain juga turut menyumbang kepada penyebaran aliran pemikiran yang negatif terhadap ilmu tasawuf dan amalan tarekat. Kritikan-kritikan para pendokong aliran Salafiyah Wahabiyyah terhadap isu-isu yang melibatkan ilmu tasawuf dan tarekat yang tersebar luas dalam media sosial berkemungkinan besar memberikan impak terhadap sikap masyarakat Islam di Negeri Sembilan terhadap dua aspek tersebut.

Berdasarkan senario di atas, timbul persoalan mengenai sikap masyarakat Islam di negeri Sembilan terhadap ilmu tasawuf dan amalan tarekat. Walaupun masyarakat Islam di Negeri Sembilan secara amnya dilihat bersikap positif terhadap kewujudan dan pengamalan tarekat, namun perkembangan pelbagai aliran pemikiran yang sedang berkembang di Malaysia amnya, dan di negeri Sembilan khususnya, melalui platform media sosial dan lain-lain, serta kedapatan kes-kes ajaran sesat yang melibatkan tasawuf tarekat, berkemungkinan mempunyai pengaruh sebaliknya terhadap masyarakat Islam. Oleh itu, artikel ini menumpukan fokus perbincangan terhadap tahap penerimaan masyarakat terhadap Tarekat di Negeri Sembilan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah kaedah tinjauan menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi tujuan untuk menerangkan sesuatu ini menggunakan kaedah soal selidik kerana soal selidik adalah cara yang berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman (1980). Ia membolehkan penyelidik untuk mengetahui sikap seseorang dalam menjawab soalan-soalan untuk memastikan ia selesa dengan soal selidik yang digunakan. Pengkaji menggunakan kedudukan lima skala Likert, iaitu skor 1 (Sangat Tidak Setuju) manakala 5 (Sangat Setuju). Kesemua soalan dinilai menggunakan skala Likert. Jadual 1 menunjukkan Lima skor untuk skala Likert.

Jadual 1: Lima Skala Likert

Skor	Skala
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Berdasarkan pembahagian skala, tahap penentuan perspektif responden adalah berdasarkan kepada skor perbezaan data iaitu skor yang tertinggi dan yang paling rendah serta dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Penentuan Tahap Perspektif

Skala Min	Tahap Perspektif
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Negeri Sembilan dipilih sebagai tempat kajian kerana Negeri Sembilan mempunyai subjek dan data yang mampu menjawab persoalan kajian. Hal ini berdasarkan pendapat Sidek Mohd. Noah (2002), Marohaini Yusof (2004) dan Neuman (2006) yang mencadangkan empat faktor yang perlu dipertimbangkan ketika pemilihan tapak atau lokasi kajian dibuat iaitu; kaya dengan data, *unfamiliarity*, sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Populasi kajian diambil daripada daerah yang mewakili luar bandar dan bandar. Justeru kajian ini merangkumi kesemua tujuh daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Kuala Pilah, Rembau, Tampin, Port Dickson, Jempol dan Jelevu. Pemilihan responden pula dilaksanakan secara rawak dalam kalangan masyarakat di setiap daerah.

Analisis data pula akan dilakukan dengan menggunakan penyelidikan deskriptif. Pengkaji akan mengenal pasti penerimaan masyarakat terhadap Tarekat. Data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20.0. Secara keseluruhan, sebanyak 384 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat. Proses analisis data adalah berdasarkan kekerapan, peratusan dan min (purata) bagi setiap item yang dikemukakan dan dianalisis bagi mendapatkan dapatan dan rumusan kajian ini

#### TAHAP PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP TAREKAT

Kajian ini meneliti beberapa bentuk penerimaan masyarakat terhadap Tarekat. Oleh itu, terdapat 6 item telah dirangka untuk melihat bentuk-bentuk penerimaan masyarakat Islam di Negeri Sembilan terhadap Tarekat merangkumi aspek-aspek kewujudan kumpulan tarekat di sekitar kediaman responden, pengamalannya dan majlis yang dianjurkan seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Tahap/Bentuk Penerimaan Masyarakat Terhadap Tarekat

No	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
D1.	Saya tidak menolak Tarekat secara keseluruhannya.	2.3% 9	1.8% 7	10.2% 39	43.5 167	41.9% 161	4.31
D2.	Saya hanya beramal wirid dan zikir selepas solat sahaja	8.1% 31	4.9% 19	17.7% 68	40.1 154	29.2% 112	3.77
D3.	Saya mengakui Tarekat adalah benar tetapi saya tidak mengikutinya	15.4% 59	7.8% 30	21.6% 83	37.8 145	17.4% 67	3.34
D4.	Saya tidak kisah jika ahli keluarga saya mengamalkan Tarekat	3.9% 15	3.6% 14	19.0% 73	42.7 164	30.7% 118	3.92

D5.	Saya akan mengikuti majlis ilmu yang dianjurkan oleh institusi Tarekat untuk masyarakat umum	2.1% 8	3.1% 12	16.1% 62	46.9% 180	31.8% 122	4.03
D6.	Saya tidak kisah jika institusi Tarekat aktif di sekitar rumah saya	3.9 15	3.9 15	17.4 67	41.4 159	33.3 128	3.96

Dilihat secara keseluruhan, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai min masih berada pada tahap yang tinggi iaitu min= 3.88. Walau bagaimanapun, terdapat satu item daripada enam soalan ini pada tahap min yang sederhana iaitu pada item “saya mengakui Tarekat adalah benar tetapi saya tidak mengikutinya” (min=3.34). Item yang lain masih pada tahap yang tinggi seperti “saya tidak menolak Tarekat secara keseluruhannya” (min=4.31), “saya hanya beramal wirid dan zikir selepas solat sahaja” (min=3.77), “saya tidak kisah jika ahli keluarga saya mengamalkan Tarekat” (min=3.92), “saya akan mengikuti majlis ilmu yang dianjurkan oleh institusi Tarekat untuk masyarakat umum” (min=4.03) dan “saya tidak kisah jika institusi Tarekat aktif di sekitar rumah saya” (min=3.96). Selain itu, daripada sudut peratusan pula, responden menjawab setuju bagi semua soalan lebih ramai berbanding daripada sangat setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Dari sudut peratusan, kesemua item mendapat peratusan tertinggi pada skala setuju berbanding dengan sangat setuju. Catatan bagi peratusan setuju bagi kesemua item berada diantara 37.8% sehingga 46.9%. Walau bagaimanapun, penelitian kepada skala sangat tidak setuju lebih tinggi berbanding dengan tidak setuju walaupun kedua-dua skala mendapat peratusan yang lebih kurang sama. Sekalipun begitu, terdapat satu item yang mencatatkan peratusan yang sama diantara sangat tidak setuju dengan tidak setuju iaitu pada item “Saya tidak kisah jika institusi Tarekat aktif di sekitar rumah saya” (3.9%) dan satu item menunjukkan tahap sangat tidak setuju mendapat peratusan paling terendah iaitu pada item “saya akan mengikuti majlis ilmu yang dianjurkan oleh institusi Tarekat untuk masyarakat umum” (2.1%).

Perkembangan Tarekat di Negeri Sembilan sedikit sebanyak mempengaruhi respon penerimaan mahupun penolakan Tarekat oleh masyarakatnya. Maka segala andaiannya, stigma dan tanggapan kepada Tarekat sedikit sebanyak membantu kepada perubahan pemikiran ini. Masyarakat Islam di Negeri Sembilan tidak menolak Tarekat secara keseluruhan dengan bukti 41.9% responden memilih sangat setuju dan 43.5% memilih setuju pada kenyataan “Saya tidak menolak Tarekat secara keseluruhannya”. Ini menggambarkan masyarakat Negeri Sembilan tidak mempunyai masalah terhadap Tarekat.

Masyarakat Islam di Negeri Sembilan juga masih mengamalkan wirid dan zikir selepas solat dengan seramai 29.2% menyatakan sangat setuju dan 40.1% setuju pada kenyataan ini. Capaian min menunjukkan 3.77 iaitu aras yang tinggi membuktikan bahawa pengamalan berbentuk zikir dan wirid masih menjadi pengamalan masyarakat Negeri Sembilan.

Pada soalan yang mendapat min sederhana iaitu “Saya mengakui Tarekat adalah benar tetapi saya tidak mengikutinya” menunjukkan bahawa majoriti responden memilih setuju dengan 37.8% berbanding sangat setuju hanya 17.4%. Sekalipun mendapat min yang sederhana tetapi bila dicampur peratusannya akan mendapat 55.2%, menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Negeri Sembilan mengakui kewujudan dan pengamalan tarekat di kawasan mereka sekalipun tidak menjadi ahli Tarekat. Perkara ini juga dapat dilihat bahawa seramai 85 (22.1%) orang responden merupakan ahli Tarekat yang sudah tentunya akan memilih untuk tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Masyarakat Islam di Negeri Sembilan juga dilihat mempunyai sikap yang positif terhadap pengamalan Tarekat dengan bertoleransi menerima kehadiran intitusi tersebut di sekitar kediaman mereka dan juga tidak kisah jika ada ahli keluarga yang mengamalkannya. Hal ini dapat dibuktikan pada soalan D4 dan D6. Majoriti responden memilih setuju kepada kedua-dua soalan ini dengan masing-masing sebanyak 42.7% pada soalan “Saya tidak kisah jika ahli keluarga saya mengamalkan Tarekat” dan 41.4% pada

soalan “Saya tidak kisah jika institusi Tarekat aktif di sekitar rumah saya”. Kemudian diikuti dengan sangat setuju yang masing-masing mendapat 30.7% dan 33.3%. Peratusan ini juga berjaya membuktikan bahawa perkembangan institusi Tarekat di Negeri Sembilan berjaya mengharmonikan keberadaannya di dalam masyarakat negeri tersebut.

Masyarakat Islam di Negeri Sembilan juga menunjukkan respon positif terhadap kenyataan “Saya akan mengikuti majlis ilmu yang dianjurkan oleh institusi Tarekat untuk masyarakat umum” dengan seramai 31.8% responden menyatakan sangat setuju dan 46.9% setuju. Perkara ini juga membuktikan bahawa program ataupun dakwah yang dianjurkan oleh Jabatan Negeri Sembilan serta kumpulan-kumpulan Tarekat di Negeri Sembilan diterima baik oleh masyarakat sekeliling.

### FAKTOR PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP TAREKAT

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mendorong penerimaan masyarakat terhadap Tarekat. Bagi tujuan tersebut, 10 item soalan dibentuk berdasarkan objektif kajian bagi melihat faktor penerimaan masyarakat terhadap Tarekat.

Hasil kajian berpandukan SPSS yang digunakan menunjukkan bahawa hanya terdapat 3 item sahaja yang berada pada min yang tinggi selebihnya 7 item yang lain hanya pada tahap sederhana. Item yang memperolehi min yang tertinggi ialah “saya menerima kewujudan Tarekat kerana di Negeri Sembilan terdapat enakmen Tarekat dan mempunyai satu organisasi yang memantau pergerakan Tarekat” (min=3.90), “saya pernah didedahkan berkenaan Tarekat Tasawuf dalam mana-mana pengajian yang saya ikuti sama ada formal ataupun tidak” (min=3.81) dan “saya dapati elemen Tarekat juga terdapat dalam mana-mana gerakan dakwah” (min=3.77). Seterusnya item yang memperolehi min pada tahap sederhana ialah “saya percaya Tarekat adalah institusi yang benar disebabkan orang disekeliling saya mengamalkannya (keluarga/ kawan)” (min=3.65), “saya percaya Tarekat mampu mendidik masyarakat disebabkan terdapat sumbangan Tarekat dalam pemulihan sosial seperti memotivasikan ahli HIV, rawatan pemulihan dadah dan lain-lain” (min=3.65), “saya mengetahui berkenaan Tarekat di media massa dan media sosial seperti radio, television, Facebook dan sebagainya” (min=3.36), “saya mempercayai Tarekat disebabkan ada sebahagian rawatan Islam berlatar belakang Tarekat” (min=3.15), “saya menerima institusi Tarekat disebabkan penduduk tempat tinggal saya mengamalkannya” (min=3.09), “saya pernah diajak memasuki Tarekat oleh kawan saya” (min=3.03) dan “saya mengetahui berkenaan Tarekat daripada portal laman internet jabatan mufti negeri Sembilan” (min= 3.01).

Jadual 4: Faktor Penerimaan Terhadap Tarekat

No	Item	STS	KKB	KS	S	SS	MIN
E1.	Saya percaya Tarekat adalah institusi yang benar disebabkan orang disekeliling saya mengamalkannya. (keluarga/kawan)	7.0% (27)	7.3% (28)	25.0% (96)	34.1% (131)	26.6% (102)	3.65
E2.	Saya pernah didedahkan berkenaan Tarekat Tasawuf dalam mana-mana pengajian yang saya ikuti sama ada formal ataupun tidak.	6.0% (23)	7.3% (28)	16.1% (62)	40.1% (154)	30.5% (117)	3.81
E3.	Saya pernah diajak memasuki Tarekat oleh kawan saya	19.0% (73)	16.4% (63)	22.1% (85)	26.8% (103)	15.6% (60)	3.03
E4.	Saya mempercayai Tarekat disebabkan ada sebahagian rawatan Islam berlatar belakang Tarekat.	13.3% (51)	12.2% (47)	33.1% (127)	28.1% (108)	13.3% (51)	3.15

E5.	Saya percaya Tarekat mampu mendidik masyarakat disebabkan terdapat sumbangan Tarekat dalam pemulihan sosial seperti memotivasikan ahli HIV, rawatan pemulihan dadah dan lain-lain.	7.8% (30)	7.3% (28)	23.4% (90)	34.6% (133)	26.8% (103)	3.65
E6.	Saya dapati elemen Tarekat juga terdapat dalam mana-mana gerakan dakwah	4.4% (17)	6.0% (23)	22.9% (88)	40.6% (156)	26.0% (100)	3.77
E7.	Saya menerima kewujudan Tarekat kerana di Negeri Sembilan kerana terdapat enakmen Tarekat dan mempunyai satu organisasi yang memantau pergerakan Tarekat	5.5% (21)	6.5% (25)	13.8% (53)	40.4% (155)	33.9% (130)	3.90
E8.	Saya mengetahui berkenaan Tarekat di media massa dan media sosial seperti radio, television, Facebook dan sebagainya	12.0% (46)	12.2% (47)	21.1% (81)	36.7% (141)	18.0% (69)	3.36
E9.	Saya menerima institusi Tarekat disebabkan penduduk tempat tinggal saya mengamalkannya	15.6% (60)	14.1% (54)	28.1% (108)	29.2% (112)	13.0% (50)	3.09
E10.	Saya mengetahui berkenaan Tarekat daripada portal laman internet jabatan mufti negeri Sembilan	17.2% (66)	16.4% (63)	27.9% (107)	25.0% (96)	13.5% (52)	3.01

Walau bagaimanapun, penilaian melalui peratusan pada faktor penerimaan terhadap Tarekat mendapat peratusan dikategorikan seimbang mengikut setiap skala yang ada. Kebanyakan item mendapat peratusan skala yang paling tinggi pada skala kurang setuju dan setuju. Bagi item yang mendapat peratusan tertinggi pada tahap kurang setuju ialah "saya mempercayai Tarekat disebabkan ada sebahagian rawatan Islam berlatar belakang Tarekat" (33.1%) dan "saya mengetahui berkenaan Tarekat daripada portal laman internet jabatan mufti negeri Sembilan" (27.9%). Manakala lapan item yang selebihnya mendapat peratusan yang tertinggi pada tahap setuju diantara 26.8% sehingga 40.1%.

Ada beberapa faktor penting yang dilihat dalam bahagian ini iaitu berkaitan pengaruh sekeliling, pendidikan, dakwah, rawatan Islam yang melibatkan institusi Tarekat dan pihak yang berautoriti. Dua item berkaitan pengaruh sekeliling iaitu pada E1 dan E9 mempunyai min yang berbeza. E1 mendapat min tinggi dengan peratusan seramai 34.1% setuju dan 26.6% sangat setuju pada kenyataan "Saya percaya Tarekat adalah institusi yang benar disebabkan orang disekeliling saya mengamalkannya. (keluarga/kawan). Selain itu, pengaruh sekitar tempat tinggal yang mengamalkan Tarekat iaitu pada item E9 menunjukkan seramai 29.2% memilih setuju dan 13.0% memilih sangat setuju. Perkara ini jelas menunjukkan pengaruh orang sekeliling lebih mempengaruhi berbanding pengaruh daripada sekitar tempat tinggal.

Sekalipun pengaruh terhadap faktor persekitaran tidak terlalu tinggi impaknya akan tetapi faktor daripada sudut pendidikan berjaya memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman kepada masyarakat. Majoriti masyarakat memilih setuju iaitu seramai 40.1% dan 30.5% sangat setuju pada kenyataan "Saya pernah didedahkan berkenaan Tarekat Tasawuf dalam mana-mana pengajian yang saya ikuti sama ada formal ataupun tidak". Ini menunjukkan sistem pendidikan masih dapat menerima subjek Tasawuf secara amnya dan sedikit sebanyak pengetahuan mengenai Tarekat diketahui.

Dari sudut rawatan Islam pula, min responden berada di tahap yang sederhana. Pada kenyataan "Saya mempercayai Tarekat disebabkan ada sebahagian rawatan Islam



berlatar belakang Tarekat” majoriti responden memillih kurang setuju dengan sebanyak 33.1% berbanding 28.1% pada setuju dan 13.3% sangat setuju, manakala pada kenyataan “Saya percaya Tarekat mampu mendidik masyarakat disebabkan terdapat sumbangan Tarekat dalam pemulihan sosial seperti memotivasikan ahli HIV, rawatan pemulihan dadah dan lain-lain” memperoleh majoriti pada setuju dengan jumlah 34.6% diikuti 26.8% sangat setuju. Hasil mendapati masyarakat lebih mengetahui dan menyakini intitusi Tarekat dapat membantu dalam mendidik dan memulihkan sebarang kes sosial masyarakat.

Dari sudut dakwah dapat kita lihat beberapa peranan iaitu peranan ahli Tarekat dalam menyeru ataupun mengajak masyarakat lain, keberadaan Tarekat dalam gerakan dakwah dan juga peranan media massa. Item pada E3 dengan soalan “Saya pernah diajak memasuki Tarekat oleh kawan saya” mendapat peratusan tertinggi pada setuju dengan jumlah 26.8% dan setuju sebanyak 15.6%. Hal ini menunjukkan tahap dakwah individu ahli Tarekat masih berada dalam keadaan yang sederhana. Walau bagaimanapun, elemen Tarekat yang terdapat pada mana-mana gerakan dakwah merupakan salah satu faktor penerimaan masyarakat terhadap Tarekat dengan dibuktikan pada item E6 bahawa seramai 40.6% setuju dan 26.0% sangat setuju. Sekalipun begitu, pendekatan media massa merupakan peranan yang penting dalam menyampai mesej Tarekat dan digunakan sebaik mungkin. Namun, peratusan pada item E8 menunjukkan hanya 36.7% memilih untuk setuju dan 18.0% sangat setuju. Keputusan min yang sederhana pada item ini menunjukkan bahawa peranan dalam menerangkan institusi Tarekat masih belum mencapai tahap maksima.

Faktor yang sangat penting seterusnya dalam melihat tahap penerimaan masyarakat terhadap Tarekat adalah peranan pihak yang berautoriti. Item E7 menunjukkan seramai 40.4% memilih setuju dan 33.9% sangat setuju bahawa masyarakat Negeri Sembilan menerima pengamalan Tarekat turut dipengaruhi oleh kepercayaan masyarakat terhadap Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan (2005) yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Namun demikian, item E10 yang bertujuan untuk melihat pengetahuan masyarakat Negeri Sembilan mengenai maklumat berkaitan Tarekat yang boleh dirujuk di portal laman internet Jabatan Mufti Negeri Sembilan menunjukkan bahawa majoriti memilih kurang setuju sebanyak iaitu 27.9% berbanding dengan 25.0% setuju dan 13.5% sangat setuju. Perkara ini menunjukkan bahawa JMCKNS perlu meningkatkan usaha mendidik masyarakat melalui portal rasminya kerana masih ramai masyarakat Negeri Sembilan masih kurang mengetahui berkenaan portal Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhan, hasil analisis melalui kaedah deskriptif daripada 384 responden mendapati bahawa min bagi tahap penerimaan masyarakat Islam negeri Sembilan terhadap Tarekat berada pada tahap yang tinggi dengan nilai 3.88. Penerimaan yang tinggi tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti peranan Jabatan Mufti Kerajaan, Kerajaan Negeri Sembilan dan pengetahuan mereka mengenai kewujudan dan kepentingan ilmu tasawuf dan tarekat dalam kehidupan. Penerimaan yang tinggi ini juga menunjukkan bahawa pengaruh pemikiran yang negatif terhadap ilmu tasawuf dan tarekat belum memberi kesan yang negatif terhadap pandangan masyarakat Islam di Negeri Sembilan terhadap kedua ilmu dan amalan tersebut. Namun demikian, pihak berkuasa agama Negeri Sembilan, khususnya Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan tidak boleh berpuas hati dengan situasi positif ini kerana penyebaran dan pengaruh pemikiran negatif terhadap tarekat terus tersebar melalui berbagai cara dan kaedah. Kajian yang berterusan kelihatannya amat perlu dilaksanakan bagi mempertahankan penghayatan ilmu tasawuf dan pengamalan tarekat dalam masyarakat Islam di Negeri Sembilan.

## RUJUKAN

### Buku

- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 1989. *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Afifi, Abu al-'Ula. 1963. *Al-Tasawwuf: al-Tawrah al-Ruhiyyah fi al-Islam*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Aizuddin Hakim Mohd Yusof & Faudzinaim Badaruddin. 2022. *Ketokohan dan Sumbangan Sheikh Abdu Rasyid Sheikh Muhammad Said Dalam Bidang Pendidikan dan Penyebaran Tarekat Islam di Negeri Sembilan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Fuad Said. 1991. *Hakikat Thariqat Naqsyabandiyah*. Ipoh: Pustaka Muda.
- al-Hujwiriyy, Abu 'Ali 'Uthman. t.th. *Kashf al-Mahjub*. London: Luzac and Company Ltd.
- Jahid Sidek. 2010. *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Selangor: al-Falah Publications Sdn. Bhd.
- al-Jurjaniyy, 'Ali bin Muhammad. 1985. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi.
- Mohd Faizal Harun. 2015. *Tasawuf dan Tarekat Sejarah dan Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*. UUM: UUM PRESS.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1979. *Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906-1948 dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- al-Nadwiyy, Sayid Abul Hassan Ali. 1987. *Ketuhanan bukan kerahiban: meluruskan pemahaman aliran tasawuf*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Qashaniyy, 'Abd al-Razzaq. 1991. *Kitab Istilahat al-Sufiyyah*. Terjemahan Nabil Safwat. Sufi. Technical Terms. London: The Octagon Press Ltd.
- Sulaiman Ibrahim. 2002. *Turuq al-Sufiyyah fi Maliziya wa Aththaruha 'ala Da'wah al-Islamiyyah*. Seremban: Dar al-Fatwa Negeri Sembilan.

### Jurnal

- Johns, A.H. 1961. *The Role of Sufism in the Spread of Islam to Malaya and Indonesia*. Journal of the Pakistan Historical Society, Karachi, 9 (3) 143-161.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Khairul Azhar, Ishak Suliaman, Mohd Farhan Md Ariffin, Amran Abdul Halim. 2021. *Strengthening Spiritual Practices among Community: Dhikr Activities in Negeri Sembilan, Malaysia*. Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya, 6 (1): 77-86

### Prosiding

- Faudzinaim Hj. Badaruddin. 2016. *Sejarah Asal Usul Silsilah Tarekat Tasawuf*. Prosiding Seminar Agama dan Pembangunan IX (SAAP 2016). Bangi: UKM.
- Nor Hafizi Yusof, Ahmad Fauzi Hassan, Mohd A'Tarahim bin Mohd Razali, Abdillah Hisham Abd Wahab, Tasnim Abd Rahman & Fatimah Zaharah Ismail. 2015. *The Spread Of Salafi Wahabi Influence: A Study In Terengganu, Malaysia*. Prosiding International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century (ICIC2015), 6-7 September di Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, 151-157.

### Kertas Kerja

- Zakaria Stapa. 2016. *Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya Kepada Amalan Para Sahabat*. Dalam Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

### Laporan

- Pertubuhan al-Ehsan Malaysia. 1997. *Laporan Tahunan al-Ehsan Malaysia Daerah Jempol* bagi tahun 1996/1997. Negeri Sembilan: Jempol.

**Laman Sesawang**

Tariqat Tasauwuf. <https://muftins.gov.my/tarikat-tasauwuf/> (Diakses pada 14 Oktober 2022)

Tajuk. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3> (Diakses pada 14 Oktober 2022).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*